



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 834

AKTA LEMBAGA ANGKASA MALAYSIA 2022

Tarikh Perkenan Diraja 19 Januari 2022

Tarikh penyiaran dalam *Warta* ... 25 Januari 2022

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 834

AKTA LEMBAGA ANGKASA MALAYSIA 2022

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Skop wilayah kesalahan di bawah Akta ini
4. Akta hendaklah dibaca bersama-sama dengan undang-undang lain

BAHAGIAN II

LEMBAGA ANGKASA MALAYSIA

5. Penubuhan Lembaga
6. Fungsi Lembaga
7. Penjalanan sementara fungsi Pengurus
8. Setiausaha Eksekutif kepada Lembaga
9. Mesyuarat Lembaga
10. Lembaga boleh mengundang orang lain untuk menghadiri mesyuarat
11. Lembaga boleh menubuhkan jawatankuasa
12. Pewakilan fungsi Lembaga
13. Arahan oleh Menteri
14. Pelantikan Penguasa Angkasa

BAHAGIAN III

LARANGAN

15. Larangan

BAHAGIAN IV**PELESENAN, DSB.****Seksyen**

16. Kehendak lesen
17. Kehendak permit pelancaran
18. Kehendak perakuan pelancaran
19. Permohonan bagi lesen, dsb.
20. Dokumen atau maklumat tambahan
21. Pemberian lesen
22. Pemberian permit pelancaran
23. Pemberian perakuan pelancaran
24. Syarat lesen, dsb.
25. Syarat tambahan lesen, dsb.
26. Tempoh lesen, dsb.
27. Kesalahan tambahan berhubung dengan syarat lesen, dsb.
28. Pembaharuan lesen
29. Penyerahan lesen
30. Pemindahmilikan atau penyerahhakan lesen, dsb.
31. Penggantungan atau pembatalan lesen, dsb.
32. Penyiaran penggantungan atau pembatalan lesen, dsb.
33. Rayuan
34. Kajian semula lesen
35. Pegawai Keselamatan Pelancaran

BAHAGIAN V**PENDAFTARAN OBJEK ANGKASA**

36. Pendaftaran objek angkasa
37. Pemberitahuan perubahan berhubung dengan objek angkasa
38. Daftar objek angkasa

BAHAGIAN VI**TANGGUNGAN**

39. Tanggungan mutlak
40. Obligasi untuk menanggung rugi Kerajaan

BAHAGIAN VII

KESALAHAN LAIN

Seksyen

41. Penemuan objek angkasa, dsb., dan personel, dsb., kapal angkasa
42. Mengusik, dsb., objek angkasa, dsb.

BAHAGIAN VIII

INSIDEN DAN KEMALANGAN

43. Pemberitahuan insiden dan kemalangan
44. Pelantikan penyiasat
45. Jagaan selamat objek angkasa, dsb.
46. Lesen, dsb., disifatkan digantung sekiranya berlaku kemalangan

BAHAGIAN IX

PENGUATKUASAAN

47. Pemberikuasaan kepada pegawai awam
48. Kad kuasa
49. Kuasa penyiasatan
50. Penggeledahan dan penyitaan dengan waran
51. Penggeledahan dan penyitaan tanpa waran
52. Senarai objek angkasa, dsb., yang disita
53. Kos memegang objek angkasa, dsb., yang disita
54. Pelepasan objek angkasa, dsb., yang disita
55. Pelucuthakan objek angkasa, dsb., yang disita
56. Hak harta mengenai objek angkasa, dsb., yang dilucuthakkan
57. Akses kepada data berkomputer
58. Tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan
59. Kuasa untuk menghendaki kehadiran orang yang mempunyai pengetahuan tentang kes
60. Pemeriksaan orang yang mempunyai pengetahuan tentang kes
61. Kebolehenerimaan pernyataan sebagai keterangan
62. Kuasa tambahan
63. Halangan

BAHAGIAN X

AM

Seksyen

64. Perlindungan daripada guaman dan prosiding undang-undang
65. Pendakwaan
66. Penyampaian dokumen
67. Percubaan dan persubahatan
68. Tanggungan pengarah, dsb., pertubuhan perbadanan
69. Tanggungan seseorang bagi perbuatan, dsb., pekerja, dsb.
70. Pengkompaunan kesalahan
71. Pengecualian
72. Peraturan-peraturan
73. Peruntukan peralihan

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 834

AKTA LEMBAGA ANGKASA MALAYSIA 2022

Suatu Akta untuk menubuhkan Lembaga Angkasa Malaysia untuk mengawal selia aktiviti berkaitan angkasa yang tertentu bagi tujuan keselamatan, untuk mengawal selia pendaftaran objek angkasa dan untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan berkaitan angkasa yang tertentu dan perkara yang berkaitan.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Lembaga Angkasa Malaysia 2022.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan Akta ini.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“angkasa” ertinya ruang yang bermula daripada ketinggian seratus kilometer atas aras laut purata;

“insiden” ertinya apa-apa kejadian yang berkaitan dengan suatu objek angkasa atau kemudahan pelancar yang menjelaskan atau berkemungkinan menjelaskan keselamatan suatu objek angkasa atau kemudahan pelancar, atau yang melibatkan hal keadaan yang suatu kemalangan hampir berlaku;

“kemalangan” ertinya apa-apa kejadian yang berkaitan dengan suatu objek angkasa atau kemudahan pelancar yang menyebabkan kerosakan, termasuk kejatuhan atau keruntuhan, atau pelanggaran atau letupan, suatu objek angkasa atau kemudahan pelancar;

“kemudahan pelancar” ertinya apa-apa pelantar pelancar, pelabuhan angkasa, platform laut atau struktur lain atau apa-apa kapal, kapal udara atau kenderaan lain, yang darinya suatu objek angkasa boleh dilancarkan ke angkasa, termasuk apa-apa peralatan atau pepasangan di pelantar pelancar, pelabuhan angkasa, platform laut atau struktur lain itu atau di atas kapal, kapal udara atau kenderaan lain itu, yang diperlukan untuk melancarkan suatu objek angkasa ke angkasa;

“kerosakan” ertinya kehilangan nyawa, apa-apa kecederaan atau kecacatan kesihatan kepada mana-mana orang, atau kehilangan atau kerosakan kepada apa-apa harta;

“Lembaga” ertinya Lembaga Angkasa Malaysia yang ditubuhkan di bawah seksyen 5;

“lesen” ertinya suatu lesen yang diberikan di bawah Bahagian IV;

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi sains dan teknologi;

“objek angkasa” ertinya suatu kapal angkasa dan kenderaan pelancar, termasuk bahagian komponen kapal angkasa dan kenderaan pelancar itu;

“pegawai diberi kuasa” ertinya mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta Polis 1967 [Akta 344] dan mana-mana pegawai awam yang diberi kuasa di bawah seksyen 47;

“Pegawai Keselamatan Pelancaran” ertinya seorang pegawai yang dilantik di bawah seksyen 35;

“pemastautin tetap” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Mahkamah Kehakiman 1964 [Akta 91];

“Pengerusi” ertinya Pengerusi Lembaga;

“Penguasa Angkasa” ertinya pegawai awam yang dilantik di bawah seksyen 14;

“penyedia perkhidmatan pelancaran” ertinya mana-mana orang yang menyediakan perkhidmatan bagi pelancaran suatu objek angkasa ke angkasa;

“penyiasat” ertinya seorang penyiasat yang dilantik di bawah seksyen 44;

“perakuan pelancaran” ertinya suatu perakuan pelancaran yang diberikan di bawah Bahagian IV;

“permit pelancaran” ertinya suatu permit pelancaran yang diberikan di bawah Bahagian IV;

“pertubuhan perbadanan” ertinya suatu syarikat, perkongsian liabiliti terhad, firma, persatuan atau kumpulan orang yang lain;

“senjata pemusnah besar-besaran” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Perdagangan Strategik 2010 [Akta 708].

Skop wilayah kesalahan di bawah Akta ini

3. (1) Sekiranya mana-mana kesalahan di bawah seksyen 15 dilakukan oleh mana-mana orang, walau apa pun kerakyatan atau kewarganegaraannya, di mana-mana tempat di luar Malaysia, dia boleh diuruskan berkenaan dengan kesalahan sedemikian seolah-olah kesalahan itu telah dilakukan di mana-mana tempat di dalam Malaysia.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), Akta ini hendaklah terpakai sekiranya kesalahan itu dilakukan terhadap—

- (a) mana-mana warganegara Malaysia; atau
- (b) apa-apa harta yang terletak di luar Malaysia yang dippunyai, atau dikendalikan atau dikawal oleh, secara keseluruhan atau sebahagiannya, Kerajaan atau Kerajaan mana-mana Negeri di Malaysia, termasuk premis diplomatik atau konsular Malaysia, mana-mana warganegara Malaysia, atau mana-mana pertubuhan perbadanan yang diperbadankan, ditubuhkan atau didaftarkan di Malaysia.

(3) Akta ini hendaklah terpakai bagi mana-mana kesalahan di bawah seksyen 24, 25, 27, 30, 36, 37 dan 43 yang dilakukan oleh mana-mana warganegara Malaysia, pemastautin tetap atau pertubuhan perbadanan yang diperbadankan, ditubuhkan atau didaftarkan di Malaysia, di mana-mana tempat di luar Malaysia dan warganegara, pemastautin tetap atau pertubuhan perbadanan itu boleh diuruskan berkenaan dengan kesalahan sedemikian seolah-olah kesalahan itu telah dilakukan di mana-mana tempat di dalam Malaysia.

Akta hendaklah dibaca bersama-sama dengan undang-undang lain

4. (1) Akta ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan apa-apa undang-undang bertulis lain yang berhubungan dengan aktiviti berkaitan angkasa, termasuk undang-undang bertulis yang berhubungan dengan penerbangan awam, komunikasi dan multimedia, dan perdagangan strategik dan peruntukan Akta ini hendaklah menjadi tambahan kepada, dan tidak mengurangkan, peruntukan undang-undang bertulis lain itu.

(2) Jika undang-undang bertulis lain yang disebut dalam subseksyen (1) mengandungi apa-apa peruntukan yang berhubungan dengan aktiviti berkaitan angkasa yang dikawal selia di bawah Akta ini, peruntukan Akta ini hendaklah mengatasi dan peruntukan undang-undang bertulis lain itu hendaklah disifatkan digantikan.

BAHAGIAN II

LEMBAGA ANGKASA MALAYSIA

Penubuhan Lembaga

5. (1) Suatu lembaga yang dinamakan “Lembaga Angkasa Malaysia” ditubuhkan.

(2) Lembaga hendaklah terdiri daripada—

- (a) Ketua Setiausaha Kementerian yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi sains dan teknologi yang hendaklah menjadi Pengerusi;
- (b) Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi sains dan teknologi yang hendaklah menjadi Timbalan Pengerusi;
- (c) seorang wakil daripada Kementerian yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi pertahanan;
- (d) seorang wakil daripada Kementerian yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi komunikasi dan multimedia;
- (e) seorang wakil daripada Kementerian yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi hal ehwal dalam negeri;
- (f) seorang wakil daripada Kementerian yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi pengangkutan;
- (g) seorang wakil daripada Kementerian yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi perdagangan antarabangsa dan industri; dan
- (h) seorang wakil daripada Majlis Keselamatan Negara.

(3) Anggota yang disebut dalam perenggan (2)(c) hingga (h) hendaklah dilantik secara bertulis oleh Menteri dan Menteri boleh, berkenaan dengan setiap anggota itu, melantik seorang anggota silih ganti untuk menghadiri mesyuarat Lembaga apabila anggota itu tidak dapat hadir atas apa-apa sebab.

Fungsi Lembaga

6. (1) Lembaga hendaklah mempunyai fungsi yang berikut:

- (a) untuk menasihati Kerajaan tentang perkara yang berhubungan dengan pelaksanaan Akta ini;
- (b) untuk memastikan pelaksanaan yang berkesan Akta ini;
- (c) untuk melaksanakan atau mengadakan peruntukan bagi pelaksanaan obligasi yang berbangkit daripada perjanjian, konvensyen atau triti yang kepadanya Malaysia menjadi suatu pihak jika perjanjian, konvensyen atau triti itu berkaitan dengan maksud Akta ini;
- (d) untuk mengeluarkan garis panduan dan arahan bagi maksud Akta ini; dan
- (e) untuk melakukan apa-apa perkara lain yang timbul atau berbangkit daripada fungsi Lembaga di bawah Akta ini selaras dengan maksud Akta ini.

(2) Lembaga hendaklah mempunyai segala kuasa sebagaimana yang perlu bagi, atau berkaitan dengan, atau yang semunasabahnya bersampingan dengan, pelaksanaan fungsinya di bawah Akta ini.

Penjalanan sementara fungsi Pengerusi

7. (1) Timbalan Pengerusi hendaklah bertindak sebagai Pengerusi selama tempoh apabila—

- (a) jawatan Pengerusi kosong; atau
- (b) Pengerusi, atas apa-apa sebab, tidak dapat menjalankan fungsinya.

(2) Timbalan Pengerusi hendaklah, dalam tempoh dia menjalankan fungsi Pengerusi di bawah seksyen ini, disifatkan sebagai Pengerusi.

Setiausaha Eksekutif kepada Lembaga

8. (1) Penguasa Angkasa hendaklah menjadi Setiausaha Eksekutif kepada Lembaga.

(2) Setiausaha Eksekutif hendaklah bertanggungjawab bagi—

- (a) pengurusan hal ehwal hari ke hari Lembaga;
- (b) pelaksanaan keputusan Lembaga; dan
- (c) penjalanan apa-apa kewajipan lain sebagaimana yang diarahkan oleh Lembaga.

(3) Setiausaha Eksekutif hendaklah, dalam menjalankan kewajipannya, bertindak di bawah arahan Lembaga.

Mesyuarat Lembaga

9. (1) Lembaga hendaklah mengadakan mesyuaratnya sekurang-kurangnya sekali dalam setahun dan mesyuarat itu hendaklah diadakan pada masa dan di tempat yang dinyatakan dalam notis bertulis oleh Pengerusi.

(2) Pengerusi hendaklah mempengerusikan mesyuarat Lembaga.

(3) Jika Pengerusi tidak hadir pada mana-mana mesyuarat Lembaga, Timbalan Pengerusi hendaklah mengantikannya sebagai pengerusi mesyuarat.

(4) Lima orang anggota, termasuk pengerusi mesyuarat, hendaklah membentuk kuorum Lembaga.

(5) Pengerusi boleh membenarkan penggunaan suatu rangkaian video secara langsung, rangkaian televisyen secara langsung atau apa-apa cara komunikasi elektronik yang lain bagi maksud apa-apa mesyuarat Lembaga.

(6) Jika terdapat bilangan undi yang sama banyak, Pengerusi atau Timbalan Pengerusi yang menggantikan Pengerusi menurut subseksyen (3) hendaklah mempunyai undi pemutus.

(7) Lembaga boleh menentukan tatacaranya sendiri.

Lembaga boleh mengundang orang lain untuk menghadiri mesyuarat

10. Lembaga boleh mengundang mana-mana orang lain untuk menghadiri apa-apa mesyuarat Lembaga bagi menasihati Lembaga mengenai apa-apa perkara yang sedang dibincangkan, tetapi orang yang hadir sedemikian tidak berhak untuk mengundi pada mesyuarat itu.

Lembaga boleh menubuahkan jawatankuasa

11. (1) Lembaga boleh menubuahkan apa-apa jawatankuasa sebagaimana yang Lembaga fikirkan perlu atau suai manfaat untuk membantu Lembaga dalam pelaksanaan fungsinya.

(2) Lembaga boleh melantik mana-mana orang untuk menjadi anggota mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1).

(3) Lembaga boleh melantik mana-mana anggotanya atau mana-mana orang lain untuk menjadi penggerusi jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1).

(4) Jawatankuasa hendaklah tertakluk kepada dan bertindak mengikut apa-apa arahan yang diberikan oleh Lembaga.

(5) Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat seberapa kerap yang perlu pada masa dan di tempat yang ditentukan oleh penggerusi jawatankuasa itu.

(6) Jawatankuasa boleh menentukan tatacaranya sendiri.

(7) Jawatankuasa boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat jawatankuasa untuk menasihati jawatankuasa itu mengenai apa-apa perkara yang sedang dibincangkan.

Pewakilan fungsi Lembaga

12. (1) Lembaga boleh, tertakluk kepada syarat atau sekatan sebagaimana yang Lembaga fikirkan patut dikenakan, mewakilkan apa-apa fungsinya, kecuali kuasa pewakilan, kepada Penguasa Angkasa.

(2) Pengguna Angkasa yang diwakilkan dengan fungsi sedemikian di bawah subseksyen (1) hendaklah terikat untuk mematuhi dan mengambil kira segala syarat dan sekatan yang dikenakan oleh Lembaga dan segala kehendak, tatacara dan perkara yang dinyatakan oleh Lembaga.

(3) Apa-apa fungsi yang diwakilkan di bawah seksyen ini hendaklah dilaksanakan dan dijalankan atas nama dan bagi pihak Lembaga.

(4) Pewakilan di bawah seksyen ini tidaklah menghalang Lembaga sendiri daripada melaksanakan atau menjalankan pada bila-bila masa mana-mana fungsi yang diwakilkan.

Arahan oleh Menteri

13. Menteri boleh memberikan arahan kepada Lembaga selaras dengan peruntukan Akta ini dan Lembaga hendaklah melaksanakan arahan itu.

Pelantikan Pengguna Angkasa

14. (1) Menteri hendaklah, atas nasihat Pengerusi, melantik dalam kalangan pegawai awam, seorang Pengguna Angkasa bagi maksud Akta ini.

(2) Pengguna Angkasa hendaklah melaksanakan fungsi dan kewajipan yang dikenakan dan menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya di bawah Akta ini.

BAHAGIAN III

LARANGAN

Larangan

15. (1) Angkasa hendaklah digunakan bagi tujuan keamanan dan atas sebab ini tiada seorang pun boleh—

(a) meletakkan, memasang, melancarkan atau mengendalikan apa-apa senjata pemusnah besar-besaran di angkasa;

- (b) menjalankan apa-apa pengujian senjata pemusnah besar-besaran di angkasa;
 - (c) menubuhkan suatu pangkalan tentera, pepasangan dan kubu, melakukan pengujian apa-apa jenis senjata dan menjalankan apa-apa manuver tentera, di angkasa;
 - (d) melakukan apa-apa aktiviti yang menjelaskan keselamatan dan perihal selamat mana-mana aktiviti lain yang dilakukan secara sah di angkasa; atau
 - (e) melakukan apa-apa aktiviti yang boleh menyebabkan pencemaran yang memudaratkan kepada angkasa atau perubahan buruk kepada persekitaran Bumi yang diakibatkan oleh kemasukan sesuatu perkara luar angkasa.
- (2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—
- (a) jika orang itu ialah orang perseorangan, didenda tidak melebihi lima puluh juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga puluh tahun atau kedua-duanya; atau
 - (b) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi satu ratus juta ringgit.

BAHAGIAN IV
PELESENAN, DSB.

Kehendak lesen

- 16.** (1) Mana-mana orang yang berniat untuk—
- (a) membina atau mengilang apa-apa objek angkasa;
 - (b) memiliki atau mengendalikan apa-apa kemudahan untuk penyepadan atau pengujian apa-apa objek angkasa; atau
 - (c) memiliki atau mengendalikan apa-apa kemudahan pelancar,

hendaklah memohon suatu lesen.

(2) Mana-mana orang yang tidak mematuhi subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

- (a) jika orang itu ialah orang perseorangan, didenda tidak melebihi lima belas juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya; atau
- (b) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi tiga puluh juta ringgit.

Kehendak permit pelancaran

17. (1) Mana-mana penyedia perkhidmatan pelancaran yang bermiat untuk melancarkan suatu objek angkasa ke angkasa dari mana-mana kemudahan pelancar di dalam Malaysia hendaklah memohon suatu permit pelancaran.

(2) Mana-mana orang yang tidak mematuhi subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

- (a) jika orang itu ialah orang perseorangan, didenda tidak melebihi tiga puluh juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya; atau
- (b) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi enam puluh juta ringgit.

Kehendak perakuan pelancaran

18. (1) Mana-mana warganegara Malaysia atau pemastautin tetap yang merupakan seorang, atau mana-mana pertubuhan perbadanan yang diperbadankan, ditubuhkan atau didaftarkan di Malaysia yang merupakan, pemunya suatu objek angkasa dan bermiat untuk melancarkan objek angkasa itu ke angkasa dari mana-mana kemudahan pelancar di dalam atau di luar Malaysia hendaklah memohon suatu perakuan pelancaran.

(2) Mana-mana orang yang tidak mematuhi subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

- (a) jika orang itu ialah orang perseorangan, didenda tidak melebihi tiga puluh juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya; atau
- (b) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi enam puluh juta ringgit.

Permohonan bagi lesen, dsb.

19. (1) Seseorang boleh memohon supaya suatu lesen, permit pelancaran atau perakuan pelancaran diberikan kepadanya dengan mengemukakan kepada Lembaga suatu permohonan mengikut cara sebagaimana yang ditetapkan.

(2) Permohonan di bawah subseksyen (1) hendaklah disertakan dengan bayaran fi yang ditetapkan.

(3) Suatu permohonan di bawah seksyen ini boleh ditarik balik pada bila-bila masa, secara bertulis, sebelum permohonan itu diluluskan atau ditolak.

Dokumen atau maklumat tambahan

20. (1) Lembaga boleh, pada bila-bila masa selepas menerima suatu permohonan di bawah seksyen 19, meminta pemohon untuk memberi Lembaga, dalam tempoh yang dinyatakan dalam permintaan itu, apa-apa dokumen atau maklumat tambahan mengenai permohonan itu.

(2) Jika dokumen atau maklumat tambahan yang dikehendaki di bawah subseksyen (1) tidak diberikan oleh pemohon itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam permintaan atau dalam apa-apa pelanjutan masa yang diberikan oleh Lembaga, permohonan itu hendaklah disifatkan telah ditarik balik dan tidak lagi boleh diteruskan, tetapi tanpa menjaskan hak pemohon itu untuk membuat suatu permohonan baharu.

Pemberian lesen

21. (1) Apabila menerima permohonan dan bayaran fi di bawah seksyen 19 dan apa-apa dokumen atau maklumat tambahan yang diberikan di bawah seksyen 20, Lembaga boleh menimbangkan permohonan bagi suatu lesen dengan mengambil kira apa-apa kehendak sebagaimana yang ditetapkan.

(2) Jika Lembaga berpuas hati bahawa segala kehendak yang ditetapkan bagi permohonan suatu lesen telah dipenuhi, Lembaga boleh memberikan lesen.

Pemberian permit pelancaran

22. (1) Apabila menerima permohonan dan bayaran fi di bawah seksyen 19 dan apa-apa dokumen atau maklumat tambahan yang diberikan di bawah seksyen 20, Lembaga boleh menimbangkan permohonan bagi suatu permit pelancaran dengan mengambil kira apa-apa kehendak sebagaimana yang ditetapkan.

(2) Jika Lembaga berpuas hati bahawa segala kehendak yang ditetapkan bagi permohonan suatu permit pelancaran telah dipenuhi, Lembaga boleh, melalui notis bertulis, menyampaikan kepada pemohon niat Lembaga untuk memberikan permit pelancaran itu tertakluk kepada pemohon memenuhi syarat bagi insurans di bawah subseksyen (3).

(3) Pemohon bagi permit pelancaran hendaklah menyebabkan diinsuranskan berkenaan dengan apa-apa tanggungan bagi apa-apa kerosakan kepada pihak ketiga yang diakibatkan oleh pelancaran objek angkasa ke angkasa yang dengannya permit pelancaran itu berkaitan mengikut cara sebagaimana yang ditetapkan.

(4) Jika Lembaga berpuas hati bahawa kehendak insurans di bawah subseksyen (3) telah dipenuhi, Lembaga boleh memberikan permit pelancaran.

Pemberian perakuan pelancaran

23. (1) Apabila menerima permohonan dan bayaran fi di bawah seksyen 19 dan apa-apa dokumen atau maklumat tambahan yang diberikan di bawah seksyen 20, Lembaga boleh menimbangkan permohonan bagi suatu perakuan pelancaran dengan mengambil kira apa-apa kehendak sebagaimana yang ditetapkan.

(2) Jika Lembaga berpuas hati bahawa segala kehendak yang ditetapkan bagi permohonan suatu perakuan pelancaran telah dipenuhi, Lembaga boleh memberikan perakuan pelancaran.

Syarat lesen, dsb.

24. (1) Suatu lesen, permit pelancaran atau perakuan pelancaran boleh diberikan tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang Lembaga fikirkan patut dikenakan.

(2) Lembaga boleh pada bila-bila masa mengubah atau membatalkan syarat-syarat yang dikenakan ke atas suatu lesen, permit pelancaran atau perakuan pelancaran.

(3) Bagi maksud suatu permit pelancaran dan perakuan pelancaran, syarat-syarat yang dikenakan oleh Lembaga di bawah subseksyen (1) bolehlah termasuk syarat-syarat yang berhubungan dengan kemasukan semula objek angkasa.

(4) Mana-mana orang yang melanggar mana-mana syarat lesen, permit pelancaran atau perakuan pelancaran yang dikenakan oleh Lembaga di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

- (a) jika orang itu ialah orang perseorangan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya; atau
- (b) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi tiga juta ringgit.

Syarat tambahan lesen, dsb.

25. (1) Lembaga boleh pada bila-bila masa—

- (a) mengenakan apa-apa syarat tambahan ke atas lesen, permit pelancaran atau perakuan pelancaran; atau
- (b) mengubah atau membatalkan apa-apa syarat tambahan yang dikenakan ke atas lesen, permit pelancaran atau perakuan pelancaran.

(2) Mana-mana orang yang melanggar mana-mana syarat tambahan lesen, permit pelancaran atau perakuan pelancaran yang dikenakan oleh Lembaga di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

- (a) jika orang itu ialah orang perseorangan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya; atau
- (b) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi tiga juta ringgit.

Tempoh lesen, dsb.

26. Suatu lesen, permit pelancaran atau perakuan pelancaran hendaklah menyatakan tempoh lesen, permit pelancaran atau perakuan pelancaran itu.

Kesalahan tambahan berhubung dengan syarat lesen, dsb.

27. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana syarat lesen, permit pelancaran atau perakuan pelancaran yang dikenakan oleh Lembaga di bawah seksyen 24 atau mana-mana syarat tambahan lesen, permit pelancaran atau perakuan pelancaran yang dikenakan oleh Lembaga di bawah seksyen 25, dan melalui perbuatan itu—

- (a) menyebabkan kehilangan nyawa, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—
 - (i) jika orang itu ialah orang perseorangan, didenda tidak melebihi lima belas juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya; atau
 - (ii) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi tiga puluh juta ringgit;
- (b) menyebabkan apa-apa kecederaan atau kecacatan kesihatan kepada mana-mana orang, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—
 - (i) jika orang itu ialah orang perseorangan, didenda tidak melebihi lima juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya; atau

- (ii) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi sepuluh juta ringgit; dan
- (c) menyebabkan kehilangan atau kerosakan kepada apa-apa harta, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—
 - (i) jika orang itu ialah orang perseorangan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya; atau
 - (ii) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit.

Pembaharuan lesen

28. (1) Suatu lesen boleh dibaharui dari semasa ke semasa oleh pemegang lesen dengan mengemukakan suatu permohonan kepada Lembaga mengikut cara sebagaimana yang ditetapkan.

(2) Lembaga boleh, selepas menimbangkan permohonan bagi pembaharuan lesen yang dibuat di bawah subseksyen (1), meluluskan atau menolak permohonan itu.

(3) Jika permohonan bagi pembaharuan lesen diluluskan oleh Lembaga, lesen itu hendaklah dibaharui apabila fi yang ditetapkan dibayar dan Lembaga boleh mengenakan apa-apa syarat sebagaimana yang Lembaga fikirkan patut.

Penyerahan lesen

29. (1) Seseorang pemegang lesen boleh, melalui notis bertulis, menyerahkan lesennya kepada Lembaga pada bila-bila masa dan mengikut kehendak yang dinyatakan dalam lesen.

(2) Penyerahan itu hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh Lembaga menerima lesen itu dan notis di bawah subseksyen (1), atau jika suatu tarikh selepas itu dinyatakan dalam notis itu, pada tarikh itu.

(3) Penyerahan lesen di bawah subseksyen (1) tidak boleh dibatalkan melainkan jika Lembaga melalui notis bertulis kepada pemegang lesen membenarkan penyerahan itu ditarik balik sebelum tarikh kuat kuasa penyerahan lesen itu.

(4) Pemegang lesen hendaklah—

- (a) mengambil segala langkah dan memberi segala bantuan sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga menurut penyerahan lesen itu; dan
- (b) mengemukakan lesen itu kepada Lembaga pada tarikh kuat kuasa penyerahan lesen itu.

Pemindahmilikan atau penyerahhakan lesen, dsb.

30. (1) Suatu lesen, permit pelancaran atau perakuan pelancaran tidak boleh dipindahmilikkan atau diserahhakkan kepada mana-mana orang lain.

(2) Mana-mana pemegang lesen, pemegang permit pelancaran atau pemegang perakuan pelancaran yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

- (a) jika orang itu ialah orang perseorangan, didenda tidak melebihi satu juta lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya; atau
- (b) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi tiga juta ringgit.

(3) Walau apa pun subseksyen (1), suatu lesen boleh dipindahmilikkan kepada mana-mana orang lain apabila diberi kuasa oleh Lembaga—

- (a) sekiranya suatu permohonan bertulis dibuat kepada Lembaga oleh pemegang lesen; dan
- (b) sekiranya Lembaga berpuas hati bahawa orang yang kepadanya lesen itu hendak dipindahmilikkan mempunyai sumber kewangan dan teknikal yang perlu untuk mematuhi syarat atau syarat tambahan lesen itu.

Penggantungan atau pembatalan lesen, dsb.

31. (1) Lembaga boleh, melalui notis bertulis kepada pemegang lesen, pemegang permit pelancaran atau pemegang perakuan pelancaran, menggantung atau membatalkan suatu lesen, permit pelancaran atau perakuan pelancaran dalam mana-mana hal keadaan yang berikut:

- (a) pemegang lesen, pemegang permit pelancaran atau pemegang perakuan pelancaran tidak mematuhi peruntukan Akta ini atau syarat atau syarat tambahan lesen, permit pelancaran atau perakuan pelancaran;
- (b) pemegang lesen, pemegang permit pelancaran atau pemegang perakuan pelancaran telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta ini;
- (c) pemegang lesen, pemegang permit pelancaran atau pemegang perakuan pelancaran telah disabitkan atas suatu kesalahan yang melibatkan rasuah, fraud, ketidakjujuran atau keburukan akhlak, atau apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan, sama ada hukuman penjara sahaja atau sebagai tambahan kepada atau sebagai ganti denda, melebihi dua tahun; atau
- (d) penggantungan atau pembatalan itu adalah demi kepentingan awam, keselamatan negara atau hubungan antarabangsa.

(2) Penggantungan atau pembatalan suatu lesen, permit pelancaran atau perakuan pelancaran hendaklah mula berkuat kuasa apabila habis tempoh empat belas hari dari tarikh notis penggantungan atau pembatalan itu disampaikan kepada pemegang lesen, pemegang permit pelancaran atau pemegang perakuan pelancaran itu.

Penyiaran penggantungan atau pembatalan lesen, dsb.

32. (1) Apabila penggantungan atau pembatalan suatu lesen, permit pelancaran atau perakuan pelancaran berkuat kuasa, Lembaga hendaklah, dengan secepat yang dapat dilaksanakan, menyebabkan penggantungan atau pembatalan itu disiarkan dalam laman sesawang rasmi Lembaga sekurang-kurangnya tiga hari berturut-turut.

(2) Apa-apa kelewatan atau kegagalan untuk menyiaran notis penggantungan atau pembatalan itu tidak boleh dalam apa-apa cara pun menjaskan kesahan penggantungan atau pembatalan itu.

Rayuan

33. (1) Mana-mana orang yang terkilan—

(a) dengan keengganan Lembaga untuk memberikan suatu lesen, permit pelancaran atau perakuan pelancaran; atau

(b) dengan penggantungan atau pembatalan lesen, permit pelancaran atau perakuan pelancarannya,

boleh, dalam masa tiga puluh hari selepas dimaklumkan secara bertulis mengenai keengganan, penggantungan atau pembatalan itu, membuat rayuan secara bertulis terhadap keputusan itu kepada Menteri.

(2) Menteri boleh, selepas menimbangkan rayuan yang dibuat di bawah subseksyen (1), mengesahkan atau mengetepikan keputusan yang dirayukan itu.

Kajian semula lesen

34. (1) Penguasa Angkasa atau mana-mana pegawai diberi kuasa boleh, pada bila-bila masa, menjalankan kajian semula terhadap suatu lesen untuk menentukan kepatuhan pemegang lesen—

(a) kepada Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini; atau

(b) kepada syarat dan syarat tambahan lesen.

(2) Penguasa Angkasa atau pegawai diberi kuasa yang menjalankan kajian semula di bawah subseksyen (1) hendaklah mempunyai segala kuasa yang perlu untuk menjalankan kajian semula di bawah seksyen ini.

(3) Penguasa Angkasa atau pegawai diberi kuasa yang menjalankan kajian semula di bawah subseksyen (1) hendaklah menyediakan dan mengemukakan suatu laporan kajian semula itu kepada Lembaga mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

Pegawai Keselamatan Pelancaran

35. (1) Penguasa Angkasa hendaklah melantik dalam kalangan pegawai diberi kuasa seorang Pegawai Keselamatan Pelancaran untuk menentukan kepatuhan pemegang permit pelancaran —

- (a) kepada Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini; atau
- (b) kepada syarat dan syarat tambahan permit pelancaran.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), Pegawai Keselamatan Pelancaran hendaklah mempunyai segala kuasa yang perlu bagi pelaksanaan fungsinya dan secara khususnya dia boleh —

- (a) memeriksa, dengan notis bertulis terlebih dahulu kepada pemegang permit pelancaran, suatu objek angkasa atau kemudahan pelancar;
- (b) mengarahkan pemegang permit pelancaran atau mana-mana pekerja, ejen atau kontraktor pemegang permit pelancaran untuk memberi apa-apa maklumat atau bantuan; dan
- (c) memberi apa-apa arahan kepada pemegang permit pelancaran berhubung dengan pelancaran objek angkasa ke angkasa atau kemasukan semula objek angkasa yang dia fikirkan perlu untuk mengelak apa-apa bahaya kepada kesihatan awam atau kepada mana-mana orang atau apa-apa harta, termasuk arahan untuk menghentikan pelancaran atau kemasukan semula, atau memusnahkan, objek angkasa itu.

BAHAGIAN V

PENDAFTARAN OBJEK ANGKASA

Pendaftaran objek angkasa

36. (1) Mana-mana warganegara Malaysia, pemastautin tetap atau pertubuhan perbadanan yang diperbadankan, ditubuhkan atau didaftarkan di Malaysia, yang objek angkasa dipunyainya telah dilancarkan ke orbit bumi atau melepasinya dari suatu kemudahan pelancar di dalam atau di luar Malaysia hendaklah mendaftarkan objek angkasa itu dengan Penguasa Angkasa mengikut cara sebagaimana yang ditetapkan.

- (2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—
- (a) jika orang itu ialah orang perseorangan, didenda tidak melebihi dua puluh lima ribu ringgit; atau
 - (b) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit.

Pemberitahuan perubahan berhubung dengan objek angkasa

37. (1) Mana-mana pemunya yang objek angkasanya telah didaftarkan di bawah seksyen 36 hendaklah memberitahu Penguasa Angkasa sekiranya—

- (a) objek angkasa itu telah terhenti daripada beroperasi;
 - (b) objek angkasa itu telah musnah secara fizikal; atau
 - (c) terdapat apa-apa perubahan kepada butir-butir yang diberikan mengenai objek angkasa itu bagi maksud pendaftaran.
- (2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—
- (a) jika orang itu ialah orang perseorangan, didenda tidak melebihi dua puluh lima ribu ringgit; atau
 - (b) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit.

Daftar objek angkasa

38. (1) Penguasa Angkasa hendaklah menyimpan dan menyenggara suatu daftar objek angkasa yang didaftarkan di bawah subseksyen 36(1) mengikut cara sebagaimana yang ditetapkan.

(2) Penguasa Angkasa boleh, apabila suatu pemberitahuan diberikan di bawah seksyen 37 atau atas kehendaknya sendiri, memotong nama dan butir-butir objek angkasa daripada daftar atau meminda butir-butir objek angkasa itu di dalam daftar.

(3) Daftar boleh dijadikan tersedia bagi orang awam untuk diperiksa mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Penguasa Angkasa.

BAHAGIAN VI
TANGGUNGAN

Tanggungan mutlak

39. (1) Seseorang penyedia perkhidmatan pelancaran hendaklah bertanggungan secara mutlak bagi apa-apa kerosakan yang diakibatkan oleh pelancaran suatu objek angkasa dari suatu kemudahan pelancar di dalam Malaysia.

(2) Seseorang warganegara Malaysia, pemastautin tetap atau pertubuhan perbadanan yang diperbadankan, ditubuhkan atau didaftarkan di Malaysia yang merupakan pemunya suatu objek angkasa hendaklah bertanggungan secara mutlak bagi apa-apa kerosakan yang diakibatkan oleh pelancaran objek angkasanya dari kemudahan pelancar di luar Malaysia.

(3) Seseorang warganegara Malaysia, pemastautin tetap atau pertubuhan perbadanan yang diperbadankan, ditubuhkan atau didaftarkan di Malaysia yang merupakan pemunya suatu objek angkasa hendaklah bertanggungan secara mutlak bagi apa-apa kerosakan yang diakibatkan oleh pengendalian objek angkasanya yang telah dilancarkan ke orbit bumi atau melepasinya.

Obligasi untuk menanggung rugi Kerajaan

40. (1) Seseorang penyedia perkhidmatan pelancaran hendaklah menanggung rugi Kerajaan terhadap apa-apa tuntutan dan prosiding yang dibawa terhadap Kerajaan berkenaan dengan apa-apa kerosakan yang diakibatkan oleh pelancaran objek angkasa dari kemudahan pelancar di dalam Malaysia.

(2) Seseorang warganegara Malaysia, pemastautin tetap atau pertubuhan perbadanan yang diperbadankan, ditubuhkan atau didaftarkan di Malaysia yang merupakan pemunya suatu objek angkasa hendaklah menanggung rugi Kerajaan terhadap apa-apa tuntutan dan prosiding yang dibawa terhadap Kerajaan berkenaan dengan apa-apa kerosakan yang diakibatkan oleh pelancaran objek angkasanya dari kemudahan pelancar di luar Malaysia.

(3) Seseorang warganegara Malaysia, pemastautin tetap atau pertubuhan perbadanan yang diperbadankan, ditubuhkan atau didaftarkan di Malaysia yang merupakan pemunya suatu objek angkasa hendaklah menanggung rugi Kerajaan terhadap apa-apa tuntutan dan prosiding yang dibawa terhadap Kerajaan berkenaan dengan apa-apa kerosakan yang diakibatkan oleh pengendalian objek angkasanya yang telah dilancarkan ke orbit bumi atau melepasinya.

(4) Apa-apa tanggung rugi yang genap masa dan kena dibayar di bawah subseksyen (1), (2) dan (3) boleh dituntut sebagai suatu hutang sivil yang terhutang kepada Kerajaan.

BAHAGIAN VII

KESALAHAN LAIN

Penemuan objek angkasa, dsb., dan personel, dsb., kapal angkasa

41. (1) Mana-mana orang yang menemukan apa-apa objek yang dia mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa objek itu merupakan suatu objek angkasa atau objek yang berasal dari angkasa, atau orang yang dia mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa orang itu merupakan personel atau penumpang suatu kapal angkasa, hendaklah memberitahu Pengguna Angkasa atau mana-mana pegawai diberi kuasa mengenai penemuannya.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

- (a) jika orang itu ialah orang perseorangan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit; atau
- (b) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

Mengusik, dsb., objek angkasa, dsb.

42. (1) Mana-mana orang yang menemukan apa-apa objek yang dia mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa objek itu merupakan suatu objek angkasa atau objek yang berasal dari angkasa tidak boleh mengusik, mengalihkan, merosakkan atau memusnahkan objek itu kecuali jika perlu berbuat demikian bagi mencegah bahaya terdekat kepada keselamatan nyawa atau harta.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

- (a) jika orang itu ialah orang perseorangan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit; atau
- (b) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit.

BAHAGIAN VIII

INSIDEN DAN KEMALANGAN

Pemberitahuan insiden dan kemalangan

43. (1) Seseorang pemegang lesen, pemegang permit pelancaran atau pemegang perakuan pelancaran hendaklah dengan segera memberitahu Pengguna Angkasa mengenai apa-apa insiden atau kemalangan berkenaan dengan objek angkasa atau kemudahan pelancar yang dengannya lesen, permit pelancaran atau perakuan pelancaran itu berkaitan.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

- (a) jika orang itu ialah orang perseorangan, didenda tidak melebihi dua puluh lima ribu ringgit; atau
- (b) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit.

Pelantikan penyiasat

44. (1) Bagi maksud Bahagian ini, Menteri hendaklah melantik secara bertulis apa-apa bilangan penyiasat untuk menjalankan penyiasatan tentang insiden atau kemalangan mengikut cara sebagaimana yang ditetapkan.

(2) Penyiasat hendaklah mempunyai segala kuasa yang perlu untuk menjalankan suatu penyiasatan di bawah Bahagian ini.

(3) Seseorang pegawai diberi kuasa boleh dilantik sebagai seorang penyiasat tertakluk kepada apa-apa syarat yang dikenakan oleh Menteri.

(4) Penyiasat yang dilantik di bawah subseksyen (1), selain seorang penyiasat yang dilantik dalam kalangan pegawai diberi kuasa di bawah subseksyen (3), hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [Akta 574].

(5) Penyiasatan yang dijalankan di bawah Bahagian ini hendaklah bagi maksud mencegah suatu insiden atau kemalangan pada masa hadapan dan bukannya bagi maksud menentukan kesalahan atau tanggungan.

Jagaan selamat objek angkasa, dsb.

45. (1) Penguasa Angkasa hendaklah, dengan seberapa segera setelah maklumat berkenaan dengan suatu insiden atau kemalangan diketahuinya, mengambil segala langkah yang munasabah untuk mengekalkan jagaan selamat objek angkasa atau kemudahan pelancar, yang menjadi hal perkara insiden atau kemalangan itu, atau apa-apa keterangan lain yang berhubungan dengan insiden atau kemalangan itu sehingga penyiasat dilantik untuk menjalankan penyiasatan tentang insiden atau kemalangan di bawah seksyen 44.

(2) Apabila penyiasat dilantik di bawah seksyen 44, adalah menjadi kewajipan penyiasat untuk mengekalkan jagaan selamat objek angkasa atau kemudahan pelancar, yang menjadi hal perkara insiden atau kemalangan itu, atau apa-apa keterangan lain yang berhubungan dengan insiden atau kemalangan itu.

(3) Apabila penyiasat itu menentukan bahawa objek angkasa, kemudahan pelancar atau keterangan lain itu tidak lagi diperlukan bagi maksud penyiasatan, penyiasat itu hendaklah melepaskan objek angkasa, kemudahan pelancar atau keterangan lain itu kepada pemunya atau mana-mana orang yang diberi kuasa secara bertulis oleh pemunya untuk mengambil jagaan objek angkasa, kemudahan pelancar atau keterangan lain itu.

(4) Mana-mana orang yang mengusik, mengalih, merosakkan atau memusnahkan mana-mana objek angkasa, kemudahan pelancar atau keterangan lain dalam jagaan Pengguna Angkasa atau seseorang penyiasat melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

- (a) jika orang itu ialah orang perseorangan, didenda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit; atau
- (b) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak lebih daripada dua puluh ribu ringgit.

Lesen, dsb., disifatkan digantung sekiranya berlaku kemalangan

46. (1) Sekiranya berlaku suatu kemalangan, lesen, permit pelancaran atau perakuan pelancaran yang diberikan berkenaan dengan suatu objek angkasa atau kemudahan pelancar, yang menjadi hal perkara kemalangan itu, hendaklah disifatkan digantung bagi suatu tempoh dari tarikh kemalangan sehingga tarikh Lembaga membatalkan penggantungan itu.

(2) Jika lesen, permit pelancaran atau perakuan pelancaran disifatkan digantung di bawah subseksyen (1), lesen, permit pelancaran atau perakuan pelancaran tidak akan berkuat kuasa semasa tempoh penggantungan.

(3) Penggantungan lesen, permit pelancaran atau perakuan pelancaran di bawah subseksyen (1) tidak menjaskan tarikh habis tempoh lesen, permit pelancaran atau perakuan pelancaran sebagaimana yang dinyatakan dalam lesen, permit pelancaran atau perakuan pelancaran itu.

(4) Lembaga boleh membatalkan atau mengubah syarat lesen, permit pelancaran atau perakuan pelancaran yang digantung di bawah subseksyen (1).

(5) Walau apa pun seksyen 31, Lembaga boleh membatalkan lesen, permit pelancaran dan perakuan pelancaran yang digantung di bawah subseksyen (1).

BAHAGIAN IX
PENGUATKUASAAN

Pemberikuasaan pegawai awam

47. Menteri boleh, secara bertulis, memberi kuasa kepada mana-mana pegawai awam untuk menjalankan kuasa penguatkuasaan di bawah Akta ini.

Kad kuasa

48. (1) Maka hendaklah dikeluarkan kepada setiap pegawai diberi kuasa suatu kad kuasa yang ditandatangani oleh Menteri.

(2) Bilamana pegawai diberi kuasa itu menjalankan mana-mana kuasa di bawah Akta ini, pegawai diberi kuasa itu hendaklah, apabila diminta, mengemukakan kepada orang yang terhadapnya kuasa itu sedang dijalankan kad kuasa yang dikeluarkan kepadanya di bawah subseksyen (1).

Kuasa penyiasatan

49. (1) Seseorang pegawai diberi kuasa hendaklah mempunyai segala kuasa yang perlu untuk menjalankan penyiasatan di bawah Akta ini.

(2) Dalam mana-mana hal yang berhubungan dengan pelakuan suatu kesalahan di bawah Akta ini, mana-mana pegawai diberi kuasa yang menjalankan penyiasatan boleh menjalankan segala atau mana-mana kuasa khas berhubung dengan penyiasatan polis dalam kes boleh tangkap yang diberikan oleh Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593].

Pengeledahan dan penyitaan dengan waran

50. (1) Jika ternyata pada seseorang Majistret, berdasarkan maklumat bertulis dengan bersumpah daripada pegawai diberi kuasa dan selepas apa-apa siasatan sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Majistret itu, bahawa terdapat sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa—

(a) mana-mana tapak, premis atau kenderaan telah digunakan dalam; atau

(b) terdapat keterangan di mana-mana tapak, premis atau kenderaan yang perlu untuk menjalankan suatu penyiasatan,

pelakuan suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, Majistret boleh mengeluarkan suatu waran yang memberi kuasa kepada pegawai diberi kuasa yang dinamakan dalam waran itu, pada bila-bila masa yang munasabah pada waktu siang atau malam dan dengan atau tanpa bantuan, untuk memasuki tapak, premis atau kenderaan itu dan jika perlu dengan menggunakan kekerasan.

(2) Tanpa menjelaskan keluasan subseksyen (1), waran yang dikeluarkan oleh Majistret boleh memberi kuasa untuk penggeledahan dan penyitaan—

- (a) salinan mana-mana buku, akaun atau dokumen lain, termasuk data berkomputer, yang mengandungi atau yang semunasabahnya disyaki mengandungi maklumat mengenai apa-apa kesalahan yang disyaki telah dilakukan;
- (b) mana-mana papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran atau notis yang menyatakan atau membayangkan bahawa orang itu mempunyai suatu lesen, permit pelancaran atau perakuan pelancaran yang diberikan di bawah Akta ini;
- (c) apa-apa objek angkasa atau kemudahan pelancar; atau
- (d) apa-apa dokumen, kemudahan, radas, kenderaan, kelengkapan, peranti atau bahan lain yang semunasabahnya dipercayai dapat memberikan keterangan mengenai pelakuan kesalahan itu.

(3) Seorang pegawai diberi kuasa yang menjalankan suatu penggeledahan di bawah subseksyen (1) boleh, bagi maksud menyiasat kesalahan itu, memeriksa mana-mana orang yang berada di dalam atau di tapak, premis atau kenderaan itu.

(4) Seorang pegawai diberi kuasa yang membuat pemeriksaan terhadap seseorang di bawah subseksyen (3) boleh menyita atau mengambil milik, dan menyimpan dalam jagaan selamat semua benda, selain pakaian yang perlu dipakai, yang dijumpai pada orang itu, dan apa-apa benda lain, yang baginya ada sebab untuk mempercayai bahawa benda-benda itu merupakan peralatan atau keterangan lain bagi jenayah itu, dan benda-benda itu boleh ditahan sehingga orang itu dilepaskan atau dibebaskan.

(5) Tiada seorang pun boleh diperiksa kecuali oleh seorang lain yang sama jantina, dan pemeriksaan sedemikian hendaklah dijalankan dengan penuh kesopanan.

(6) Sekiranya, oleh sebab sifat, saiz atau amaunnya, pemindahan mana-mana objek angkasa, kemudahan pelancar, buku, akaun, dokumen, data berkomputer, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kemudahan, radas, kenderaan, kelengkapan, peranti, benda atau bahan yang disita di bawah seksyen ini tidak boleh dilaksanakan, pegawai yang menyita hendaklah, dengan apa-apa cara, mengelak objek angkasa, kemudahan pelancar, buku, akaun, dokumen, data berkomputer, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kemudahan, radas, kenderaan, kelengkapan, peranti, benda atau bahan itu di dalam atau di tapak, premis atau kenderaan yang di dalamnya ia dijumpai.

(7) Mana-mana orang yang, tanpa kuasa yang sah, memecahkan, mengusik atau merosakkan lak yang disebut dalam subseksyen (6) atau mengalihkan mana-mana objek angkasa, kemudahan pelancar, buku, akaun, dokumen, data berkomputer, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kemudahan, radas, kenderaan, kelengkapan, peranti, benda atau bahan yang dilak atau cuba untuk berbuat demikian melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Pengeledahan dan penyitaan tanpa waran

51. Jika seseorang pegawai diberi kuasa dalam mana-mana hal keadaan yang disebut dalam seksyen 50 mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa oleh sebab kelengahan dalam memperoleh suatu waran geledah di bawah seksyen itu penyiasatan akan terjejas atau keterangan mengenai pelakuan suatu kesalahan mungkin diganggu, dipindahkan, dirosakkan atau dimusnahkan, pegawai diberi kuasa itu boleh memasuki tapak, premis atau kenderaan itu dan menjalankan di dalam, pada dan berkenaan dengan tapak, premis atau kenderaan itu segala kuasa yang disebut dalam seksyen 50 dengan cara yang sepenuhnya dan secukupnya seolah-olah dia diberi kuasa untuk berbuat demikian oleh suatu waran yang dikeluarkan di bawah seksyen itu.

Senarai objek angkasa, dsb., yang disita

52. (1) Jika apa-apa penyitaan dibuat di bawah Akta ini, pegawai diberi kuasa yang membuat penyitaan itu hendaklah menyediakan suatu senarai objek angkasa, kemudahan pelancar, buku, akaun, dokumen, data berkomputer, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kemudahan, radas, kenderaan, kelengkapan, peranti, benda atau bahan yang disita dan hendaklah menandatangani senarai itu.

(2) Senarai yang disediakan mengikut subseksyen (1) hendaklah diserahkan dengan serta-merta kepada pemunya atau orang yang mengawal atau menjaga tapak, premis atau kenderaan yang telah digeledah, atau kepada ejen atau pekerja pemunya atau orang itu, di tapak, premis atau kenderaan.

Kos memegang objek angkasa, dsb., yang disita

53. Jika apa-apa objek angkasa, kemudahan pelancar, buku, akaun, dokumen, data berkomputer, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kemudahan, radas, kenderaan, kelengkapan, peranti, benda atau bahan yang disita di bawah Akta ini dipegang dalam jagaan Kerajaan sementara menunggu penyelesaian apa-apa prosiding yang berkenaan dengan suatu kesalahan di bawah Akta ini, kos bagi memegangnya dalam jagaan hendaklah, sekiranya mana-mana orang telah disabitkan atas kesalahan itu, menjadi hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan oleh orang itu dan hendaklah didapatkan kembali dengan sewajarnya.

Pelepasan objek angkasa, dsb., yang disita

54. (1) Jika apa-apa objek angkasa, kemudahan pelancar, buku, akaun, dokumen, data berkomputer, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kemudahan, radas, kenderaan, kelengkapan, peranti, benda atau bahan telah disita di bawah Akta ini, mana-mana pegawai diberi kuasa, boleh pada bila-bila masa, selepas merujuk kepada Penguasa Angkasa, melepaskan objek angkasa, kemudahan pelancar, buku, akaun, dokumen, data berkomputer, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kemudahan, radas, kenderaan, kelengkapan, peranti, benda atau bahan itu kepada orang yang diputuskannya sebagai berhak secara sah kepada objek angkasa, kemudahan pelancar, buku, akaun, dokumen, data berkomputer,

papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kemudahan, radas, kenderaan, kelengkapan, peranti, benda atau bahan itu jika dia berpuas hati bahawa objek angkasa, kemudahan pelancar, buku, akaun, dokumen, data berkomputer, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kemudahan, radas, kenderaan, kelengkapan, peranti, benda atau bahan itu tidak boleh dilucuthakkan di bawah Akta ini dan tidak dikehendaki selainnya bagi maksud mana-mana prosiding di bawah Akta ini, atau bagi maksud apa-apa pendakwaan di bawah mana-mana undang-undang lain, dan dalam hal sedemikian pegawai diberi kuasa yang membuat penyitaan itu, atau Kerajaan atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak Kerajaan, tidak boleh dikenakan apa-apa prosiding oleh mana-mana orang jika penyitaan dan pelepasan objek angkasa, kemudahan pelancar, buku, akaun, dokumen, data berkomputer, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kemudahan, radas, kenderaan, kelengkapan, peranti, benda atau bahan itu telah dibuat dengan suci hati.

(2) Suatu rekod bertulis hendaklah dibuat oleh pegawai diberi kuasa yang membuat pelepasan objek angkasa, kemudahan pelancar, buku, akaun, dokumen, data berkomputer, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kemudahan, radas, kenderaan, kelengkapan, peranti, benda atau bahan di bawah subseksyen (1) yang menyatakan secara terperinci hal keadaan dan sebab bagi pelepasan itu, dan dia hendaklah menghantarkan satu salinan rekod itu kepada Pengguna Angkasa secepat yang dapat dilaksanakan.

Pelucuthakan objek angkasa, dsb., yang disita

55. (1) Apa-apa objek angkasa, kemudahan pelancar, buku, akaun, dokumen, data berkomputer, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kemudahan, radas, kenderaan, kelengkapan, peranti, benda atau bahan yang disita dalam penjalanan mana-mana kuasa yang diberikan di bawah Akta ini boleh dilucuthakkan.

(2) Suatu perintah bagi pelucuthakan mana-mana objek angkasa, kemudahan pelancar, buku, akaun, dokumen, data berkomputer, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kemudahan, radas, kenderaan, kelengkapan, peranti, benda atau bahan hendaklah dibuat jika dibuktikan sehingga memuaskan hati mahkamah bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan dan bahawa objek angkasa, kemudahan pelancar, buku, akaun, dokumen, data

berkomputer, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kemudahan, radas, kenderaan, kelengkapan, peranti, benda atau bahan itu adalah hal perkara atau telah digunakan dalam pelakuan kesalahan itu, walaupun tiada seorang pun telah disabitkan atas kesalahan itu.

(3) Jika tiada pendakwaan berkenaan dengan apa-apa objek angkasa, kemudahan pelancar, buku, akaun, dokumen, data berkomputer, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kemudahan, radas, kenderaan, kelengkapan, peranti, benda atau bahan yang disita di bawah Akta ini, objek angkasa, kemudahan pelancar, buku, akaun, dokumen, data berkomputer, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kemudahan, radas, kenderaan, kelengkapan, peranti, benda atau bahan itu hendaklah diambil kira dan disifatkan terlucut hak apabila habis tempoh satu bulan kalender dari tarikh penyampaian notis kepada alamat yang terakhir diketahui orang yang daripadanya objek angkasa, kemudahan pelancar, buku, akaun, dokumen, data berkomputer, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kemudahan, radas, kenderaan, kelengkapan, peranti, benda atau bahan itu telah disita yang menyatakan bahawa tidak ada pendakwaan berkenaan dengan objek angkasa, kemudahan pelancar, buku, akaun, dokumen, data berkomputer, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kemudahan, radas, kenderaan, kelengkapan, peranti, benda atau bahan itu melainkan jika sebelum habis tempoh itu suatu tuntutan baginya telah dibuat mengikut cara yang dinyatakan dalam subseksyen (4), (5), (6) dan (7).

(4) Mana-mana orang yang menuntut bahawa dia ialah pemunya objek angkasa, kemudahan pelancar, buku, akaun, dokumen, data berkomputer, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kemudahan, radas, kenderaan, kelengkapan, peranti, benda atau bahan yang disebut dalam subseksyen (3) dan bahawa ia tidak boleh dilucuthakkan boleh secara sendiri atau melalui ejennya yang diberi kuasa secara bertulis, memberikan notis bertulis kepada pegawai diberi kuasa yang dalam milikannya objek angkasa, kemudahan pelancar, buku, akaun, dokumen, data berkomputer, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kemudahan, radas, kenderaan, kelengkapan, peranti, benda atau bahan itu dipegang bahawa dia menuntut objek angkasa, kemudahan pelancar, buku, akaun, dokumen, data berkomputer, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kemudahan, radas, kenderaan, kelengkapan, peranti, benda atau bahan itu.

(5) Apabila notis yang disebut dalam subseksyen (4) diterima, pegawai diberi kuasa itu hendaklah merujukkan tuntutan itu kepada seorang Majistret bagi keputusannya.

(6) Majistret yang kepadanya sesuatu perkara dirujuk di bawah subseksyen (5) hendaklah mengeluarkan suatu saman yang menghendaki orang yang menuntut bahawa dia ialah pemunya objek angkasa, kemudahan pelancar, buku, akaun, dokumen, data berkomputer, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kemudahan, radas, kenderaan, kelengkapan, peranti, benda atau bahan itu dan orang yang daripadanya ia disita untuk hadir di hadapannya, dan apabila mereka hadir atau mereka tidak hadir, setelah dibuktikan bahawa saman itu telah disampaikan dengan sewajarnya, Majistret itu hendaklah meneruskan pemeriksaan perkara itu.

(7) Jika dibuktikan bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini telah dilakukan dan bahawa objek angkasa, kemudahan pelancar, buku, akaun, dokumen, data berkomputer, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kemudahan, radas, kenderaan, kelengkapan, peranti, benda atau bahan yang disebut dalam subseksyen (6) ialah hal perkara bagi atau telah digunakan dalam pelakuan kesalahan itu, Majistret itu hendaklah memerintahkan supaya objek angkasa, kemudahan pelancar, buku, akaun, dokumen, data berkomputer, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kemudahan, radas, kenderaan, kelengkapan, peranti, benda atau bahan itu dilucuthakkan, dan hendaklah, jika tiada bukti sedemikian, memerintahkan pelepasannya.

(8) Mana-mana objek angkasa, kemudahan pelancar, buku, akaun, dokumen, data berkomputer, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kemudahan, radas, kenderaan, kelengkapan, peranti, benda atau bahan yang dilucuthakkan atau disifatkan terlucut hak hendaklah diserahkan kepada Penguasa Angkasa dan hendaklah dilupuskan dalam apa-apa cara sebagaimana yang difikirkan patut oleh Penguasa Angkasa.

Hak harta mengenai objek angkasa, dsb., yang dilucuthakkan

56. Apa-apa objek angkasa, kemudahan pelancar, buku, akaun, dokumen, data berkomputer, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kemudahan, radas, kenderaan, kelengkapan, peranti, benda atau bahan yang dilucuthakkan atau disifatkan terlucut hak di bawah Akta ini hendaklah menjadi harta Kerajaan.

Akses kepada data berkomputer

57. (1) Mana-mana pegawai diberi kuasa yang menjalankan suatu penggeledahan di bawah Akta ini hendaklah diberi akses kepada data berkomputer sama ada disimpan dalam suatu komputer atau selainnya.

(2) Bagi maksud seksyen ini, pegawai diberi kuasa hendaklah diberi kata laluan, kod penyulitan, kod penyahsulitan, perisian atau perkakasan yang perlu dan apa-apa cara lain yang dikehendaki untuk membolehkan data berkomputer itu difahami.

Tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan

58. Tiada seorang pun boleh, dalam apa-apa prosiding di hadapan mana-mana mahkamah berkenaan dengan penyitaan apa-apa objek angkasa, kemudahan pelancar, buku, akaun, dokumen, data berkomputer, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kemudahan, radas, kenderaan, kelengkapan, peranti, benda atau bahan yang disita dalam menjalankan atau yang berupa sebagai menjalankan mana-mana kuasa yang diberikan di bawah Akta ini, berhak kepada kos prosiding itu atau apa-apa ganti rugi atau relief lain melainkan jika penyitaan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah.

Kuasa untuk menghendaki kehadiran orang yang mempunyai pengetahuan tentang kes

59. (1) Seorang pegawai diberi kuasa yang membuat suatu penyiasatan di bawah Bahagian ini boleh, melalui perintah secara bertulis, menghendaki mana-mana orang yang pada pendapat pegawai diberi kuasa itu mempunyai pengetahuan tentang fakta dan hal keadaan kes itu supaya hadir di hadapannya, dan orang itu hendaklah hadir sebagaimana yang dikehendaki.

(2) Jika mana-mana orang enggan atau tidak hadir sebagaimana yang dikehendaki oleh suatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1), pegawai diberi kuasa itu boleh melaporkan keengganan atau ketidakhadiran itu kepada Majistret yang hendaklah mengeluarkan suatu waran untuk memastikan kehadiran orang itu sebagaimana yang dikehendaki oleh perintah itu.

Pemeriksaan orang yang mempunyai pengetahuan tentang kes

60. (1) Seorang pegawai diberi kuasa yang membuat suatu penyiasatan di bawah Akta ini boleh memeriksa secara lisan mana-mana orang yang dikatakan mempunyai pengetahuan tentang fakta dan hal keadaan kes itu.

(2) Orang itu adalah terikat untuk menjawab segala soalan yang berhubungan dengan kes itu yang dikemukakan kepadanya oleh pegawai diberi kuasa itu, tetapi dia boleh enggan menjawab apa-apa soalan yang jawapannya mungkin mendedahkanya kepada suatu pertuduhan jenayah atau penalti atau pelucutahan.

(3) Seorang yang membuat pernyataan di bawah seksyen ini adalah terikat di sisi undang-undang untuk menyatakan yang benar, sama ada pernyataan itu dibuat keseluruhannya atau sebahagiannya bagi menjawab soalan-soalan atau tidak.

(4) Pegawai diberi kuasa yang memeriksa seseorang di bawah subseksyen (1) hendaklah terlebih dahulu memaklumkan orang itu mengenai peruntukan subseksyen (2) dan (3).

(5) Suatu pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang di bawah seksyen ini hendaklah, bilamana mungkin, diubah ke dalam bentuk bertulis dan ditandatangani oleh orang yang membuatnya atau dilekatkan dengan cap jarinya, mengikut mana-mana yang berkenaan—

- (a) selepas pernyataan itu dibacakan kepadanya dalam bahasa yang dalamnya pernyataan itu dibuat olehnya; dan
- (b) selepas dia diberi peluang untuk membuat apa-apa pembetulan yang ingin dibuat olehnya.

Kebolehtenerimaan pernyataan sebagai keterangan

61. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen ini, tiada pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang kepada pegawai diberi kuasa dalam penjalanan suatu penyiasatan yang dibuat di bawah Akta ini boleh digunakan sebagai keterangan.

(2) Apabila mana-mana saksi dipanggil bagi pendakwaan atau bagi pembelaan, selain tertuduh, mahkamah hendaklah, atas permintaan orang tertuduh atau pendakwa, merujuk kepada mana-mana pernyataan yang dibuat oleh saksi itu kepada pegawai diberi kuasa dalam penjalanan penyiasatan di bawah Akta ini dan boleh kemudian, jika mahkamah fikirkan patut demi kepentingan keadilan, mengarahkan supaya tertuduh diberikan suatu salinan pernyataan itu dan pernyataan itu boleh digunakan untuk mencabar kebolehpercayaan saksi itu mengikut cara yang diperuntukkan oleh Akta Keterangan 1950 [Akta 56].

(3) Jika tertuduh telah membuat suatu pernyataan semasa penjalanan suatu penyiasatan, pernyataan itu boleh diterima sebagai keterangan untuk menyokong pembelaannya semasa penjalanan perbicaraan.

(4) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh disifatkan terpakai bagi apa-apa pernyataan yang dibuat dalam penjalanan suatu kawad cam atau tergolong dalam seksyen 27 atau perenggan 32(1)(a), (i) dan (j) Akta Keterangan 1950.

(5) Apabila mana-mana orang dipertuduh atas mana-mana kesalahan berhubung dengan pembuatan atau kandungan apa-apa pernyataan yang dibuat olehnya kepada seorang pegawai diberi kuasa dalam penjalanan suatu penyiasatan yang dibuat di bawah Akta ini, pernyataan itu boleh digunakan sebagai keterangan dalam kes pendakwaan.

Kuasa tambahan

62. (1) Seorang pegawai diberi kuasa hendaklah, bagi maksud melaksanakan Akta ini, mempunyai kuasa untuk melakukan segala atau mana-mana daripada perkara yang berikut:

- (a) menghendaki pengemukaan apa-apa komputer, buku, rekod, data berkomputer, dokumen atau benda lain dan untuk meneliti, memeriksa dan menyalin apa-apa daripadanya;
- (b) menghendaki pengemukaan apa-apa dokumen pengenalan daripada mana-mana orang berhubung dengan mana-mana perbuatan atau kesalahan di bawah Akta ini; dan
- (c) membuat apa-apa siasatan sebagaimana yang perlu untuk menentukan sama ada peruntukan Akta ini telah dipatuhi.

(2) Mana-mana orang yang tidak mematuhi permintaan yang dibuat di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Halangan

63. Mana-mana orang yang mengamang, menghalang, merintangi atau mengganggu, atau enggan memberi akses ke mana-mana tapak, premis, kenderaan atau data berkomputer kepada, Pengguna Angkasa, pegawai diberi kuasa, Pegawai Keselamatan Pelancaran atau penyiasat dalam pelaksanaan kewajipannya di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

BAHAGIAN X

AM

Perlindungan daripada guaman dan prosiding undang-undang

64. Tiada tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding lain boleh dibawa, dimulakan atau dikekalkan dalam mana-mana mahkamah terhadap—

- (a) anggota Lembaga, anggota jawatankuasa, Pengguna Angkasa, pegawai diberi kuasa, Pegawai Keselamatan Pelancaran dan penyiasat bagi atau atas sebab atau berkenaan dengan apa-apa pelakuan yang diarahkan atau dilakukan bagi maksud menguatkuasakan Akta ini; dan
- (b) mana-mana orang lain bagi atau atas sebab atau berkenaan dengan apa-apa perbuatan yang dilakukan atau berupa dilakukan olehnya di bawah perintah, arahan atau suruhan mana-mana anggota Lembaga, anggota jawatankuasa, Pengguna Angkasa, pegawai diberi kuasa, Pegawai Keselamatan Pelancaran dan penyiasat atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa sewajarnya di bawah Akta ini,

jika perbuatan itu dilakukan dengan suci hati dan dengan mempercayai semunasabahnya bahawa perbuatan itu perlu bagi maksud yang diniatkan untuk dicapai olehnya.

Pendakwaan

65. Tiada pendakwaan bagi atau berhubung dengan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya.

Penyampaian dokumen

66. (1) Penyampaian suatu dokumen kepada mana-mana orang hendaklah dilaksanakan—

- (a) dengan menghantar serah dokumen itu kepada orang itu atau dengan menghantar serah dokumen itu kepada seorang anggota keluarganya yang dewasa di tempat kediaman orang itu yang terakhir diketahui;
- (b) dengan meninggalkan dokumen itu di tempat kediaman atau tempat perniagaan orang itu yang lazim atau yang terakhir diketahui dalam suatu sampul yang dialamatkan kepada orang itu; atau
- (c) dengan menghantar dokumen itu melalui pos berdaftar yang dialamatkan kepada orang itu di tempat kediamannya atau tempat perniagaannya yang lazim atau yang terakhir diketahui.

(2) Sesuatu dokumen yang dikehendaki disampaikan kepada pemunya atau penghuni mana-mana premis—

- (a) hendaklah disifatkan telah dialamatkan dengan sepatutnya jika dialamatkan dengan perihalan “pemunya” atau “penghuni” premis itu; dan
- (b) boleh disampaikan—
 - (i) dengan menghantar serah dokumen itu kepada seorang dewasa yang berada di premis itu; atau
 - (ii) jika tiada orang sedemikian di premis itu yang kepadanya dokumen itu boleh dengan usaha yang munasabah dihantarserahkan, dengan pengiklanan sekurang-kurangnya dalam satu akhbar tempatan.

Percubaan dan persubahatan

67. Mana-mana orang yang cuba untuk melakukan apa-apa kesalahan yang boleh dihukum di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini atau bersubahat dalam pelakuan kesalahan itu, boleh dihukum dengan hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu.

Tanggungan pengarah, dsb., pertubuhan perbadanan

68. Jika mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini ialah suatu pertubuhan perbadanan, seseorang yang pada masa kelakuan kesalahan itu ialah seorang pengarah, pegawai pematuhan, pekongsi, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang seumpamanya bagi pertubuhan perbadanan itu atau yang berupa sebagai bertindak atas sifat itu atau yang dengan apa-apa cara atau sehingga apa-apa takat bertanggungjawab bagi pengurusan apa-apa hal ehwal pertubuhan perbadanan itu atau yang membantu dalam pengurusannya—

- (a) boleh dipertuduh secara berasingan atau bersesama dalam prosiding yang sama bersekali dengan pertubuhan perbadanan itu; dan
- (b) jika pertubuhan perbadanan itu didapati bersalah atas kesalahan itu, hendaklah disifatkan bersalah atas kesalahan itu dan boleh dikenakan hukuman atau penalti yang sama sebagaimana seorang individu melainkan jika, dengan mengambil kira jenis fungsinya atas sifat itu dan segala hal keadaan, dia membuktikan—
 - (i) bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuannya; dan
 - (ii) bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa persetujuan atau pembiarannya dan bahawa dia telah mengambil segala langkah yang munasabah dan menjalankan segala usaha yang wajar untuk menghalang pelakuan kesalahan itu.

Tanggungan seseorang bagi perbuatan, dsb., pekerja, dsb.

69. Jika mana-mana orang boleh dikenakan apa-apa hukuman atau penalti di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini bagi apa-apa perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran yang dilakukan—

- (a) oleh pekerja orang itu dalam penjalanan pekerjaannya;
- (b) oleh ejen orang itu apabila bertindak bagi pihak orang itu; atau
- (c) oleh pekerja ejen orang itu semasa bertindak dalam penjalanan pekerjaannya dengan ejen orang itu atau selainnya bagi pihak ejen orang itu yang bertindak bagi pihak orang itu,

orang itu boleh dikenakan hukuman atau penalti yang sama bagi tiap-tiap perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran oleh pekerja atau ejen orang itu, atau oleh pekerja ejen orang itu.

Pengkompaunan kesalahan

70. (1) Menteri boleh, dengan kelulusan Pendakwa Raya, membuat peraturan-peraturan bagi menetapkan—

- (a) apa-apa kesalahan di bawah Akta ini dan mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini yang boleh dikompaun;
- (b) kriteria bagi mengkompaun kesalahan itu; dan
- (c) kaedah dan tatacara mengkompaun kesalahan itu.

(2) Pengerusi boleh, dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya, mengkompaun apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini yang ditetapkan sebagai suatu kesalahan yang boleh dikompaun dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki telah melakukan kesalahan itu untuk mengkompaun kesalahan itu apabila dibayar kepada Pengerusi suatu amaun yang tidak melebihi lima puluh peratus amaun denda maksimum bagi kesalahan itu dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran bertulisnya.

(3) Suatu tawaran di bawah subseksyen (2) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan.

(4) Jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa masa lanjutan yang diberikan oleh Pengerusi, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(5) Jika suatu kesalahan telah dikompaun di bawah subseksyen (2), tiada pendakwaan boleh dimulakan berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun itu dibuat, dan apa-apa barang yang disita berkaitan dengan kesalahan itu boleh dilucuthakkan atau dilepaskan oleh Pengerusi, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkan patut oleh Pengerusi.

Pengecualian

71. Menteri boleh, melalui perintah dalam *Warta*, tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan yang difikirkannya perlu atau suai manfaat dikenakan, mengecualikan mana-mana orang atau mana-mana golongan orang daripada mana-mana atau semua peruntukan Akta ini.

Peraturan-peraturan

72. (1) Menteri boleh membuat apa-apa peraturan-peraturan yang suai manfaat atau perlu bagi melaksanakan peruntukan Akta ini dengan lebih baik.

(2) Tanpa menjaskan keluasan subseksyen (1), peraturan-peraturan boleh dibuat bagi maksud yang berikut:

- (a) untuk menetapkan cara bagi permohonan lesen, permit pelancaran dan perakuan pelancaran;
- (b) untuk menetapkan kehendak bagi pemberian lesen, permit pelancaran dan perakuan pelancaran termasuk kehendak yang berhubungan dengan sumber kewangan dan teknikal;
- (c) untuk menetapkan fi yang perlu dibayar di bawah Akta ini;

- (d) untuk menetapkan cara permohonan bagi pembaharuan lesen;
- (e) untuk menetapkan cara pendaftaran objek angkasa;
- (f) untuk menetapkan cara bagi tanggungan untuk apa-apa kerosakan yang berbangkit daripada pelancaran suatu objek angkasa diinsuranskan;
- (g) untuk menetapkan cara penyiasatan tentang insiden dan kemalangan dijalankan.

(3) Mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini boleh menetapkan suatu perbuatan atau peninggalan yang melanggar peraturan-peraturan itu menjadi suatu kesalahan dan boleh menetapkan penalti —

- (a) jika orang itu ialah orang perseorangan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya; atau
- (b) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit.

Peruntukan peralihan

73. (1) Mana-mana orang yang, pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, sedang menjalankan aktiviti yang baginya kehendak lesen di bawah Akta ini terpakai hendaklah, dalam tempoh enam bulan dari tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, memohon untuk mendapatkan suatu lesen di bawah Akta ini.

(2) Sementara menunggu penentuan permohonan itu, orang itu boleh terus menjalankan aktiviti itu.

(3) Mana-mana warganegara Malaysia, pemastautin tetap atau pertubuhan perbadanan yang diperbadankan, ditubuhkan atau didaftarkan di Malaysia, yang objek angkasa kepunyaannya telah dilancarkan ke dalam orbit bumi atau melepasinya daripada kemudahan pelancar di dalam atau di luar Malaysia sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah, dalam masa enam bulan dari tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, mendaftarkan objek angkasa itu dengan Penguasa Angkasa mengikut Akta ini.